

Bank, universiti disaran jalin kerjasama

Kuala Terengganu: Industri perbankan disaran menjalin kerjasama dengan universiti tempatan bagi mewujudkan dana pinjaman penuntut yang berpotensi dan berminat menjalankan perniagaan ketika pengajian.

Presiden Alumni Universiti Putra Malaysia (UPM), Datuk Seri Syed Razlan Syed Putra Jamalulail, berkata bermula ketika sedang menuntut bukan saja membolehkan mereka menjana pendapatan, tetapi juga mendedahkan mereka dengan cabaran sebenar alam pekerjaan.

“Di negara luar, universiti menggalakkan pelajar menjalankan perniagaan kerana bagi mereka pengalaman dan pendedahan yang diperoleh sebagai usahawan tidak akan diperoleh ketika mengikuti kelas teori.

“Sebenarnya, ramai kalangan anak muda di universiti yang berminat untuk bermula dalam perniagaan, tetapi mereka tiada modal. Bukan semua penuntut datang dari keluarga senang yang boleh membantu memberi modal untuk mereka memulakan perniagaan. Pinjaman bank pula terlalu banyak kerena birokrasi.

“Jadi, apa salahnya industri perbankan menjalin kerjasama dengan universiti awam untuk menawarkan pinjaman kepada golongan penuntut ini. Kenal pasti mereka yang layak dan betul-betul berminat bermula dalam perniagaan dan bantulah dengan pinjaman modal,” katanya di sini, semalam.